



YBR, UPSI meterai MoU penajaan pengajian bahasa etnik

Tanjong Malim, 1 Feb - Yayasan Bank Rakyat (YBR) dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) memeterai satu memorandum persefahaman (MoU) bagi penajaan Pembiayaan Pendidikan Boleh Ubah (PPBU) kepada 150 orang pelajar pendidikan bahasa etnik melibatkan peruntukan RM7.5 juta. MoU itu ditandatangani oleh Pengurus Besar YBR Syaiful Rizal Abdul Ghani dan Naib Canselor UPSI Prof Datuk Dr Md Amin Md Taff serta disaksikan oleh Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi Datuk Ewon Benedick di Dewan SITC, Kampus Sultan Abdul Jalil Shah, UPSI di sini, hari ini. Ewon ketika ditemui pemberita berkata, YBR diletakkan di bawah tanggungjawabnya di Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) dan menjadi komitmen beliau untuk melihat pengajian bahasa etnik di UPSI terus berkembang sejak dimulakan pada 2010. Beliau berkata, program PPBU YBR itu adalah pembiayaan pendidikan bagi mahasiswa yang mengambil pengajian dalam bahasa etnik iaitu Kadazandusun, Iban dan Semai.



Bual Bicara Seni Sempena Pameran Solo Suzlee Ibrahim

Tanjong Malim, 23 Jan - Institut Peradaban Melayu dengan kerjasama ASWARA telah mengadakan Program Bual Bicara Seni sempena Pameran Solo Suzlee Ibrahim yang bertempat di Galeri Seni, UPSI bermula pada jam 2.30 petang.

UPSI semarak sifat pemimpin mampan dan berkualiti ke arah pendidikan

Pulau Pangkor, 29 Jan - Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UPSI menyambut baik hasrat universiti dalam melahirkan pemimpin ke arah pendidikan. Seramai 30 orang MPP UPSI telah menjalani kem pemantapan di Purnama Beach Resort selama 4 hari 3 malam. Kem ini dijalankan adalah untuk memberi pendedahan kepada MPP tentang pengurusan sesebuah organisasi dan amanah dalam menjadi seorang pemimpin yang pandangan yang terbuka.



Syarahan Perdana Profesor Dr. Abdul Halim Ali

Tanjong Malim, 31 Jan - Akademia Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) perlu memiliki roh, jiwa serta keinginan untuk melihat bangsa dan bahasa sebagai bidang yang mulia dan harus dijulung. Dalam majlis yang sama, Dr. Abdul Halim yang baru dilantik sebagai Profesor bidang Kesusasteraan Melayu turut menyampaikan syarahan bertajuk "Menilai Makna Keindahan Berasaskan Konsep Estetika Bersepadu"..



Edaran Makanan Percuma Dapur Kasih Bitara, Al-Mursyidin Kitchen

Tanjong Malim, 1 Feb - Dapur Kasih Bitara al-mursyidin Kitchen siri 2/2024 melibatkan aktiviti mengedarkan makanan percuma kepada mahasiswa UPSI merupakan anjuran bersama Pusat Islam, Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Wezas. Pengedaran makanan ini berlangsung di dua lokasi iaitu di Pintu Timur dan Pusat Aktiviti Pelajar. Setiap lokasi sebanyak 500 pax makanan yang telah diagihkan.





Penganjuran Hari Terbuka Perpustakaan 2024 cipta kelainan dalam selepas PKP

Tanjong Malim, 1-3 Feb - Perpustakaan Tuanku Bainun (PTB) kembali menganjurkan Hari Terbuka buat julung kalinya setelah pasca Covid-19 yang melanda seluruh dunia. Ia dianjurkan selama tiga hari bermula 1 hingga 3 Februari dengan banyak program dan aktiviti dirancang bagi membolehkan orang ramai untuk hadir disamping dimeriahkan juga dengan pelbagai jualan pengera di luar perpustakaan. Hari Terbuka PTB ini dirasmikan oleh Naib Canselor UPSI, Prof. Dato' Dr. Md Amin bin Md Taff yang diiringi oleh JKPU pada hari pertama program. Beberapa tokoh dan figura hebat juga hadir sebagai tetamu jemputan antaranya ialah Syafiq 'Cute'.

UPSI tuan rumah Mesyuarat MASKUM Bil 4/2023

Tanjong Malim, 31 Jan- UPSI menjadi tuan rumah Mesyuarat MAKUM yang dirasmikan oleh En. Hirman bin Awang, pengarah Bahagian Hal Ehwal Pelajar JPT, KPT. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh TNC HEPA, UPSI dan timbalannya TNC HEPA UMS. Ia membincangkan halatuju Majlis Kesukarelawan Universiti Malaysia dengan tiga fokus utama Program Bakti Madani, Student for Society dan misi kemanusiaan antarabangsa selain misi-misi banjir yang berlaku setiap tahun.



Program Hari Bertemu Pelanggan JHEPA & Karnival Badan Pelajar dan Perhimpunan Bulan JHEPA

Tanjong Malim, 31 Jan - Majlis Perwakilan Pelajar UPSI dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP) telah menganjurkan Program Hari Bertemu Pelanggan JHEPA dan Karnival Badan Pelajar Tahun 2024 serta Perhimpunan Bulanan JHEPA yang diadakan di Dataran Cemerlang, KSAS. Selain beberapa aktiviti di atas pentas berlangsung, ia turut diadakan pameran termasuk juga disertai oleh beberapa badan dan persatuan sukan yang mempamerkan disiplin sukan masing-masing serta pencapaian dan kejayaan mereka. Jualan makanan dan gerai-gerai jualan lain turut diadakan disekitar Dataran Cemerlang.



Meet And Greet Lembaga Penasihat Fakulti Bahasa dan Komunikasi

Tanjong Malim, 16 Jan - Sesi Meet and Greet Lembaga Penasihat Fakulti Bahasa dan Komunikasi ini diadakan bagi memperkenalkan pengurusan tertinggi Fakulti dengan barisan Lembaga Penasihat Fakulti yang diluluskan oleh Mesy Senat Universiti Kali ke-226 Bil.9/2023.

Lembaga Penasihat FBK diterajui oleh YBhg Prof. Dr Norkhalid Salimin, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) sebagai Pengerusi ini bertujuan sebagai medan penasihat serta rujukan fakulti dalam aspek penawaran program yang diperlukan oleh industri, penasihat berkaitan struktur pengajian serta penasihat dalam penajaan kewangan fakulti dalam industri berkaitan.

